

“
Saya pernah beberapa kali **mengutarakan masalah ini** kepada pihak terbabit, namun alasan sama diberikan iaitu kekurangan pekerja dan lori. Jika alasan ini sering diberi, sampai bila-bila pun ia **tidak dapat diselesaikan**”

Baharudin Yatim,
Penduduk Taman Lendu Bakti



Sampah berhampiran Taman Lendu Bakti, Alor Gajah menyebabkan **ketidakselesaian** penduduk.

[FOTO MOHD FAHMI MOHAMED DIAH / BH]

B/A 7/9/12 MS 1

Mana lori angkut sampah?



» Perkhidmatan tak ikut jadual punca sisa pepejal berlonggok

Oleh Mohd Fahmi Mohamed Diah
bhnews@bharian.com.my

► Alor Gajah

Masalah sampah yang dibuang sesuka hati di kawasan jalan masuk ke Taman Lendu Bakti, Lendu, di sini, menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk.


Masalah itu dikatakan berpunca daripada kegagalan pihak bertanggungjawab mengangkut sampah mengikut jadual sehingga menyebabkan penduduk melonggokkannya.

Tinjauan *BH Sentral* ke kawasan itu susulan menerima aduan mendapati beberapa timbunan sampah dipercayai dibuang penduduk taman perumahan terbabit banyak terlonggok.

Penduduk Taman Lendu Bakti, Baharudin Yatim, 62, ketika ditemui mendakwa sejak beberapa bulan lalu pekerja pengangkut sampah datang tidak tentu masa dan ada kalanya satu atau dua kali seminggu.

“Tindakan ini menyebabkan kami tidak mahu mengambil risiko menyimpan sampah terlalu lama di tong disediakan kerana baunya boleh menyebabkan rasa kurang selesa. Kadangkala sehingga seminggu sampah di taman ini tidak diangkut menyebabkan penduduk melonggokkan sampah mereka di tepi jalan.

“Saya pernah beberapa kali mengutarakan masalah ini kepada pihak terbabit, namun alasan sama



INFO

Taman Lendu Bakti, Lendu, Alor Gajah

- **Fasa 1** dibuka pada 2004 mempunyai kira-kira 200 unit rumah yang dihuni oleh penduduk pelbagai kaum.
- **Fasa 2** dibuka pada 2007 juga mempunyai kira-kira 200 unit rumah dihuni oleh penduduk Melayu.
- **Penduduk** dianggarkan berjumlah 700 hingga 800 orang.

diberikan iaitu kekurangan pekerja dan lori. Jika alasan ini sering diberi, sampai bila-bila pun ia tidak dapat diselesaikan,” katanya yang menetap di situ sejak lima tahun lalu.

Baharudin berharap perkara itu dapat diselesaikan segera kerana tidak mahu timbunan sampah di jalan masuk taman itu terus mencacatkan imej kawasan terutama di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berhampiran yang banyak menyewa rumah di situ.

Penduduk, Rozita Ahmad Jani, 36, berkata memburukkan keadaan apabila timbunan sampah itu menjadi sasaran haiwan liar, terutama anjing dan kucing selain sekumpulan lembu peliharaan mencari makanan sehingga sampah bertaburan di atas jalan.

“Tambah memburukkan lagi keadaan jika sampah tidak diangkut selama seminggu sehingga ia boleh bertimbun seperti sebuah bukit dan mewujudkan satu pemandangan tidak indah,” katanya.

Kawasan tepi jalan bidang kuasa PBT

Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) negeri, Zainuddin Abdul Samad, berkata tindakan penduduk membuang sampah di tepi jalan itu sepatutnya tidak berlaku.

Katanya, kontraktor yang bertanggungjawab tidak akan mengangkut sampah melainkan di kawasan yang ditetapkan seperti premis kediaman atau perniagaan kerana kawasan tepi jalan adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Kita akan mengeluarkan notis kepada penduduk di situ supaya tidak membuang sampah mereka di situ pada masa depan.

“Berkaitan masalah kegagalan kerja mengangkut sampah mengikut jadual pula saya difahamkan lori kompaktor milik kontraktor pengangkut sampah yang digunakan sudah uzur dan sering rosak menyebabkan berlaku sedikit kelewatan mengangkut sampah,” katanya.

Beliau berkata, bermula September ini, semua lori pengangkut sampah lama akan digantikan dengan yang baru dan penduduk premis perumahan di daerah ini akan menerima tong sampah baru yang akan diagihkan oleh syarikat konsesi pembersihan SWM Environment Sdn Bhd (SWM) secara berperingkat.